

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN DI
MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA MAJLIS PENUTUP MINGGU
SUAIKENAL PELAJAR-PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK
2005/2006 BERTEMPAT DI DEWAN WARISAN, KANGAR PADA 9 JULAI 2005.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM
SEJAHTERA.

YANG BERBAHAGIA PROF. DR. ALI YEON MD. SHAKAFF, TIMBALAN
REKTOR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI RUSLI BIN ABD HAMID, PENDAFTAR KUKUM,

YANG BERUSAHA TUAN HAJI AYOB ISMAIL, BENDAHARI KUKUM,

YANG BERUSAHA PUAN HAJJAH FOYZIAH AHMAD NASURUDDIN, KETUA
PUSTAKAWAN KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WAKIL-WAKIL MEDIA YANG DISANJUNGI,

WARGA KERJA KUKUM,

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2004/2005

PEMBANTU-PEMBANTU PELAJAR MINGGU SUAIKENAL,

DAN PARA PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK 2005/2006
SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, SAYA PANJATKAN RASA KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBBHANAHU WA TAALA YANG TELAH MEMANJANGKAN USIA, MENGURNIAKAN KESEMPURNAAN AKAL, MENGANUGERAHKAN KESIHATAN JASAD, MEMBERIKAN KEUPAYAAN HINGGA MEMBOLEHKAN KITA SEMUA BERKUMPUL DAN BERTEMU SEKALI LAGI DI MAJLIS MAKAN MALAM BERSEMPENA DENGAN MAJLIS PENUTUP MINGGU SUAIKENAL PELAJAR-PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK 2005/2006 INI.

UCAPAN SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SELURUH AHLI JAWATANKUASA KERJA PROGRAM PADA MALAM INI DAN KERABAT KERJA MINGGU SUAIKENAL PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 YANG TELAH TERLIBAT SECARA LANGSUNG MAHUPUN TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN KESEMUA PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIRENCANA DAN TERLAKSANA TERSEBUT.

TANPA USAHA YANG TIDAK PERNAH MENGENAL ERTI JEMU DAN PENAT LELAH, DEDIKASI DAN KOMITMEN YANG TINGGI DARI TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA, SAYA PERCAYA SEGALA PROGRAM YANG TELAH DIRANCANGKAN SELAMA SATU MINGGU ITU, IAITU BERMULA DARI HARI PENDAFTARAN PELAJAR SEHINGGA LAH KEPADA MAJLIS MAKAN MALAM INI, IA PASTI CUMA TERAKAM SEBAGAI KERTAS CADANGAN SAHAJA, TIDAK BERGERAK HATTA BERGANJAK.

SAYA JUGA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA WAKIL-WAKIL MEDIA YANG TELAH MEMBERI PUBLISITI YANG CUKUP MELUAS KEPADA KUKUM SEMASA HARI PENDAFTARAN PELAJAR DAN PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DAN AKAN DILAKSANAKAN KELAK. TANPA BANTUAN DAN PERTOLONGAN ANDA SEMUA, MUNGKIN KUKUM KURANG ATAU TIDAK DIKENALI OLEH MASYARAKAT AWAM DI NEGARA INI.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

MAJLIS MAKAN MALAM BERSEMPENA DENGAN MINGGU SUAIKENAL PELAJAR-PELAJAR BARU KUKUM SIDANG AKADEMIK 2005/2006 INI ADALAH KEMUNCAK KEPADA SELURUH PROGRAM MINGGU SUAIKENAL. IA JUGA MENANDAKAN BERAKHIR LAH SUDAH PROGRAM ORIENTASI BUAT PELAJAR-PELAJAR BARU INI SEBELUM MEREKA MEMULAKAN SESI PENGAJIAN YANG AKAN BERMULA PADA MINGGU HADAPAN.

SEJAK HARI PENDAFTARAN PADA 3 JULAI LALU, PARA PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 SERAMAI HAMPIR 651 ORANG YANG DATANG DARI SELURUH PELUSUK TANAH AIR TELAH DIDEHAHKAN DENGAN PELBAGAI PROGRAM DAN TAKLIMAT BAGI MENYUNTIK KEFAHAMAN DAN PENGETAHUAN MEREKA SECARA RINGKAS TENTANG UNIVERSITI INI.

DARI SEJARAH DAN LATAR BELAKANG PENUBUHANNYA, VISI DAN MISI KUKUM, STRUKTUR ORGANISASI, UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN YANG TERPAKAI SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI, PENGENALAN KEPADA SUBJEK-SUBJEK YANG AKAN DIKUTI SEPANJANG TEMPOH PENGAJIAN OLEH PUSAT-PUSAT PENGAJIAN MASING-MASING, TAKLIMAT BERSAMA WAKIL PTPTN, TAKLIMAT KO-KURIKULUM, MAJLIS SAMBUTAN SISWA-SISWI, MAJLIS IKRAR DAN AKU JANJI.

BAGI MEMBINA SAHSIAH DAN KETRAMPILAN DIRI PARA PELAJAR BARU, PIHAK UNIVERSITI MELALUI JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP) KUKUM JUGA TELAH MENGANJURKAN PROGRAM ISLAM HADHARI, PROGRAM BERSAMA TOKOH DAN PROGRAM BERSAMA MASYARAKAT BAGI MENJANA KEFAHAMAN DAN JATIDIRI SEBAGAI ANAK BANGSA MALAYSIA

DALAM USAHA MURNI SEMUA MEMBINA PERSONALITI UNGGUL ATAU 'TOWERING PERSONALITY' SEPERTI MANA YANG DILAUNGGAN OLEH YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, PERDANA MENTERI MALAYSIA.

SAYA AMAT BERHARAP PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 DAPAT MENGGUNAKAN SEGALA RUANG DAN PELUANG YANG ADA UNTUK MENIMBA DAN MENGAUT SEGALA ILMU DAN PENGETAHUAN DI BATASAN WAKTU YANG ADA BAIK DI DALAM MAHUPUN DI LUAR KAMPUS.

SEPERTI MANA YANG SAYA SEBUTKAN DI MAJLIS SAMBUTAN SISWA DAN SISWI TEMPOHARI, PARA PELAJAR HARUS MENUMPUKAN SEPENUH PERHATIAN KEPADA PELAJARAN KERANA SISTEM PEMBELAJARAN DI UNIVERSITI SANGAT DAN JAUH BERBEZA DENGAN APA YANG ADA DI SEKOLAH. ANDA HARUS PUNYA INISIATIF, KENDIRI DAN BERDISPLIN TINGGI DALAM MENGATUR PERJALANAN HIDUP BERGELAR MAHASISWA DAN MAHASISWI.

SELAIN DARIPADA ITU, ANDA SEMUA JUGA HARUS MENGUATKAN AZAM DAN DAYA KETAHANAN DIRI DALAM MENEMPUH APA JUA UJIAN DAN DUGAAN. KATA PANTUN MELAYU:

BERAKIT-RAKIT KE HULU,
BERENANG-RENANG KE TEPIAN,
BERSAKIT-SAKIT DAHULU,
BERSENGANG-SENGANG KEMUDIAN.

JIKA DITELITI DAN DIAMATI BAIT PANTUN ITU SEDALAM-DALAMNYA, IA TERSIRAT SERIBU SATU PENGERTIAN YANG CUKUP BERMAKNA BUKAN

SAHAJA KEPADA PELAJAR TETAPI TERPAKAI KEPADA SEMUA INSAN YANG BERNAMA MANUSIA KHUSUSNYA BUAT WARGA UNIVERSITI INI.

PERJALANAN HIDUP ANDA SEMUA BARU SAHAJA BERMULA DI EPISOD BERGELAR WARGA PELAJAR UNIVERISTI. INGATLAH SEGALA PERGORBANAN AYAH DAN IBU DI KAMPUNG MEMBESAR DAN MENYEKOLAHKAN ANDA SEMUA DENGAN PENUH KERINGAT DAN PENAT SUPAYA MENJADI MANUSIA YANG BERGUNA AGAR DAPAT MEMBELA MARUAH DIRI DAN KELUARGA TERCINTA DI MASA AKAN DATANG.

TARIKH 3 JULAI LALU ANDA KE SINI MENDAFTAR DENGAN DISAKSIKAN OLEH DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL, PEMANGKU RAJA PERLIS YANG JUGA CANSELOR KUKUM. PASTIKAN ANDA TIDAK TERCICIR MAHUPUN KECUNDANG DALAM PERJALANAN SELAMA EMPAT TAHUN YANG AKAN DATANG INI UNTUK SEKALI LAGI BERSAMA TUANKU DI HARI YANG PALING MENGGEMBIRAKAN BUAT SEORANG MAHASISWA DAN MAHASISWI IAITU DI MAJLIS KONVOKESYEN DAN LANGSUNG MENERIMA SEGULUNG IJAZAH.

INSYALLAH JIKA ANDA BULATKAN USAHA DAN TEKAD, SATUKAN USAHA DAN SANGGUP BERKORBAN, NESAYA API YANG DIGENGGAM AKAN MENJADI BARA. BELAJAR LAH BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENJADI PELAJAR YANG CEMERLANG. PUN BEGITU, JANGAN SEKALI-KALI ANDA ALPA DAN LALAI MENJAGA MARUAH DIRI, KELUARGA DAN NAMA BAIK UNIVERSITI.

JIKA KELIRU ATAU PUN TIDAK MEMAHAMI APA JUA SUBJEK YANG DIAJAR, JANGAN PENDAMKAN MASALAH TERSEBUT. BERJUMPA DAN BERTEMU LAH DENGAN PARA PENSYARAH. BERTANYA LAH KEPADA MEREKA KERANA PARA PENSYARAH DI KUKUM INI TIDAK PERNAH

LOKEK ATAUPUN KEDEKUT DENGAN ILMU YANG ADA. JIKA ANDA HANYA BERDIAM DIRI, PENSYARAH AKAN MENANGGAP ANDA TELAH FAHAM. BEGITU JUGA ANDAI ANDA MEMPUNYAI MASALAH DI KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN, SUARAKAN MASALAH ANDA TERSEBUT SUPAYA PIHAK YANG BERKENAAN TAHU DAN BOLEH MENGAMBIL TINDAKAN SUSULAN KEPADA PERMASALAHAN TADI.

SAYA JUGA INGIN MENYATAKAN SEKALI LAGI, PINTU PEJABAT SAYA DI TINGKAT 11 BANGUNAN KWSP, KANGAR SENTIASA TERBUKA UNTUK MENDENGAR SEBARANG MASALAH YANG ANDA SEMUA HADAPI. DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEMUA PENSYARAH DI KUKUM UNTUK TERUS-MENERUS MENABUR BAKTI MENCURAH ILMU MEMBIMBING PARA PELAJAR BAIK DI DALAM PELAJARAN MAHUPUN DARI SEGI KETRAMPILAN DIRI MEREKA.

MARILAH KITA SAMA-SAMA BERPEGANG TEGUH KEPADA MISI DAN VISI KITA UNTUK TERUS MEMARTABATKAN NAMA KUKUM DI GELANGGANG PEMURNIAN ILMU BAIK DI NEGARA INI HATTA DI PERINGKAT ANTARABANGSA. ANDAI KITA BERSATU, ALAH BISA TEGAL BIASA DAN MEMBUJUR LALU, MELINTANG PATAH.

AKHIR KATA, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM MINGGU SUAIKENAL PELAJAR-PELAJAR BARU SIDANG AKADEMIK 2005/2006 INI. SUMBANGAN, KERINGAT DAN JASA YANG TELAH ANDA CURAHKAN AMAT-AMAT SAYA HARGAI.

BUAT PARA PELAJAR BARU SEKALIAN, TIDAK TERLAMBAT KIRANYA SAYA UCAPKAN SELAMAT DATANG SEKALI LAGI KE KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA INI DAN TAHNIIAH KERANA TELAH BERJAYA MELANJUTKAN PELAJARAN KE MENARA GADING. SELAMAT

MAJU JAYA KEPADA SEMUA DALAM MELAYARI KEHIDUPAN SEBAGAI MAHASISWA DAN MAHASISWI KUKUM.

SAYA SUDAHI DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARKATUH.